

## Analisis Kaedah Pengukuran Untung (Al-Ribh) dari Perspektif *Mu'amalat* Islam

Mohammad Taqiuddin Mohamad<sup>a</sup>, Joni Tamkin Borhan<sup>a</sup>, Mohd Sollehudin Shuib<sup>b</sup>, Ahmad Azam Sulaiman@Mohamad<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

<sup>b</sup>Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

\*Corresponding author: m.taqiuddin@um.edu.my

### Article history

Received :14 April 2011  
Received in revised form :24 April 2012  
Accepted :18 August 2012

### Abstract

Profit is a crucial element in business organizations or institutions involved in the business. Any institution or business organization will not survive if the goal of making profits is not emphasized or ignored. Article will discuss some theoretical profit from the point of definition, concept, theoretical development which includes several stages of writing. Article also discusses the theory of profit from Islamic perspective by reference to the various views and opinions of prominent scholars from their respective schools. This article also discusses the method of determining the rate of profit according to Islamic law based on the reference guidelines set by the scholars. Overall, it can be concluded that the concept of profit either in Islamic or conventional economics is always changing from time to time to meet the people's business goals. Only differences are in terms of profit generation method in which the Islamic economy, the resulting profit is based on Islamic rulings that finally brought to justice and economic prosperity.

*Keywords:* Profit; profit seeking concept; Islamic transactions

### Abstrak

Untung merupakan elemen penting dalam organisasi atau institusi yang terlibat dalam perniagaan. Mana-mana institusi atau organisasi perniagaan tidak akan bertahan jika matlamat penghasilan keuntungan tidak ditekankan atau diabaikan. Artikel ini akan membincangkan teori keuntungan dari segi definisi, konsep, pembangunan teori yang merangkumi beberapa peringkat penulisan. Artikel ini juga membincangkan teori keuntungan dari perspektif Islam dengan merujuk kepada beberapa pendapat serta pandangan '*ulama*' terkemuka daripada pelbagai latar belakang mazhab. Artikel ini turut membincangkan kaedah penentuan kadar keuntungan berdasarkan *mu'amalat* Islam merujuk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh para '*ulama*'. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa konsep keuntungan sama ada dalam ekonomi Islam atau konvensional sentiasa berubah dari semasa ke semasa untuk memenuhi matlamat perniagaan masyarakat. Perbezaan hanya dari segi kaedah penjanaan keuntungan di mana dalam ekonomi Islam, keuntungan yang terhasil adalah berdasarkan hukum Islam yang akhirnya membawa kepada keadilan dan kemakmuran ekonomi.

*Kata kunci:* Keuntungan; konsep pengambilan untung; *Mu'amalat* Islam

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### 1.0 PENGENALAN

Perkataan untung menurut Kamus Dewan membawa maksud hasil pendapatan atau perolehan daripada sesuatu kegiatan seperti perusahaan, perniagaan yang melebihi modal serta segala perbelanjaan yang berkaitan<sup>1</sup>. Manakala menurut kamus *Harrap's Dictionary of Business Finance*, untung bermaksud lebih wang yang diperolehi oleh firma ataupun perusahaan selepas semua perbelanjaan diselesaikan dalam suatu tempoh pengiraan sesuatu akaun<sup>2</sup>. Dalam bahasa Indonesia pula, perkataan untung sinonim dengan perkataan laba<sup>3</sup> dan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai profit<sup>4</sup>.

Dalam ekonomi, untung merupakan sejumlah bayaran kepada faktor-faktor pengeluaran setelah ditolak daripada pendapatan bagi hasil keluaran sesebuah syarikat. Lebih daripada tolakan ini berkait langsung dengan pengiraan sesuatu untung kasar<sup>5</sup>. Dalam pengiraan untung bersih pula, ahli-ahli ekonomi lazimnya mengasingkan pulangan implisit yang mengandungi bayaran sewa, faedah, upah dan juga premium risiko oleh pengusaha ke atas penawaran input-input kepada pekerja-pekerja firma<sup>6</sup>. Dengan meletakkan pulangan ini secara bersama, secara tidak langsung ia disebut sebagai '*untung normal*' yang kemudiannya dianggap sebagai elemen kos pengeluaran. Biasanya dalam ekonomi, untung wujud apabila

sebuah firma telah berjaya menghasilkan ‘*untung normal*’ akibat daripada persamaan yang wujud antara jumlah hasil dan jumlah kos. Untung normal tersebut adalah sepadan dengan kadar pulangan, yang juga merupakan kadar minimum yang diperlukan oleh pelabur untuk mengekalkan tingkat pelaburan pada masa akan datang. Manakala “*untung bersih*” pula diperolehi setelah ditolak dengan pulangan implisit yang menghasilkan untung asli (*pure profit*)<sup>7</sup>. Dalam bidang perakaunan pula, untung tersebut daripada pengurangan pelbagai kos yang dibelanjakan daripada hasil jualan yang diperolehi. Kos tersebut meliputi perbelanjaan untung barang mentah, pembayaran upah, faedah, sewa tanah dan juga susut nilai (*depreciation*). Hasilnya untung ini merupakan perbezaan nilai wang daripada hasil jualan yang diperolehi dengan seluruh kos yang dibelanjakan<sup>8</sup>.

## ■2.0 UNTUNG MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Perkataan untung dalam bahasa Arab disebut *al-rihbh*, berasal daripada kata dasar *rabiha* yang bermaksud pertambahan atau pertumbuhan dalam kegiatan perniagaan<sup>9</sup>. Dari segi istilah, *al-rihbh* mempunyai pengertian yang berbeza. Menurut bahasa Arab, untung adalah lebihan dan pertambahan dalam aktiviti perniagaan yang terhasil daripada dua unsur pengeluaran utama iaitu usaha (*al-ʿamal*) dan modal (*raʿsu al-mal*)<sup>10</sup>.

Majoriti ahli tafsir mereka memberikan takrifan untung berpandukan surah al-Baqarah ayat ke-16 yang bermaksud: “*Mereka itulah orang yang memberi kesesatan dengan petunjuk, maka tidak beruntunglah perniagaan mereka dan tidaklah mereka mendapat petunjuk*”<sup>11</sup>. Dalam hal ini untung membawa maksud pertambahan (*al-ziyadah*) atau lebihan (*al-fadl*) ke atas modal. Imam al-Tabari berpandangan keuntungan daripada para peniaga ialah pertukaran daripada suatu barangan yang dimiliki sama ada nilai pertukaran itu sama atau melebihi harga belian barangan tersebut. Sekiranya nilai pertukaran itu kurang daripada harga beliannya maka ia dianggap rugi<sup>12</sup>. Beliau turut menyatakan bahawa untung wujud ketika mana berlakunya pertukaran antara harga dengan barangan keluaran sama ada nilai tukaran itu sama ataupun melebihi harga belian tersebut. Keuntungan barang perniagaan pula ialah hasil daripada pertukaran harta, iaitu apabila ia terpisah milik dengan cara akad jual beli<sup>13</sup>.

Al-Nisaburi menjelaskan bahawa keuntungan adalah suatu tambahan ke atas modal dan perniagaan pula ialah suatu usaha untuk mendapatkan lebihan melalui modal (*tahsil al-ziyadah ʿala raʿs al-mal*). Tetapi pandangan yang dikemukakan ini lebih tepat digunakan untuk tujuan mendefinisikan perniagaan (*al-tijarah*) kerana keuntungan wujud di dalamnya<sup>14</sup>. Menurut al-Qurtubi pula, maksud untung perniagaan dalam surah al-Baqarah di atas adalah merujuk kepada kebiasaan orang Arab yang sering mengungkapkan ayat *rabaha baiʿuka* yang bermaksud ‘beruntunglah perniagaan kamu’ atau *khasarat safaqtuka* yang bermaksud ‘rugilah transaksi kamu’. Kedua-dua ungkapan ini mengandungi maksud; “*kamu mendapat keuntungan dan kerugian dalam jual beli kamu*”<sup>15</sup>.

Seterusnya Imam al-Alusi berpandangan keuntungan adalah usaha untuk mendapatkan lebihan modal melalui modal atau *tahsil al-ziyadah ʿala raʿs al-mal*<sup>16</sup>. Pandangan ini menyerupai pendapat yang dikemukakan oleh Al-Nisaburi. Rashid Rida pula dalam tafsirnya al-Manar<sup>17</sup> menyatakan bahawa sesungguhnya mereka (*orang-orang munafik*) itu lebih suka memilih kesesatan daripada petunjuk demi sesuatu keuntungan yang mereka yakin dapat diperoleh daripada orang lain. Kaedahnya adalah melalui pertukaran (*muʿawadah*), iaitu pertukaran antara kedua-dua pihak dengan matlamat

mendapatkan keuntungan. Inilah yang dimaksudkan dengan perkongsian (*isytirak*) dan pembelian (*syiraʿ*) dalam keuntungan. Proses pertukaran tersebut akan menimbulkan keuntungan. Oleh itu maksud ayat di atas seolah-olah mengatakan bahawa tidak ada pertambahan dalam perniagaan mereka, atau mereka tidak mendapat petunjuk dalam perniagaan tersebut kerana mereka telah menjual petunjuk dan ajaran yang telah diberikan kepada mereka dengan kesesatan serta *bidʿah-bidʿah* yang menyesatkan<sup>18</sup>.

Merujuk kepada pendapat serta pandangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli tafsir di atas, dapatlah diringkaskan bahawa matlamat peniaga sebenarnya adalah untuk mendapatkan kembali modal yang disumbangkan serta meraih keuntungan. Dalam surah al-Baqarah ayat ke 16 sebenarnya lebih menyentuh mengenai perbuatan mensia-siakan modal utama yang berupa petunjuk dan melakukan kesesatan untuk mencapai kesenangan duniawi. Kesan daripada perbuatan ini akhirnya memberi implikasi kerugian ataupun *al-dalal* kepada mereka yang terlibat kerana tidak dapat menyelamatkan modal utama mereka yang berupa petunjuk dan dianggap sebagai orang yang tidak beruntung<sup>19</sup>.

Para *Fuqahaʿ* turut membahaskan secara terperinci konsep dan definisi keuntungan. Mereka membahagikan keuntungan (*al-rihbh*) kepada dua pengertian; pertamanya dalam bab zakat<sup>20</sup> dan keduanya dalam bab *al-murabahah*<sup>21</sup>. Dalam bab zakat, keuntungan (*al-rihbh*) bermaksud pertambahan ke atas modal dan ia ditinjau dari segi harta yang diwajibkan zakat. Dalam Islam, kewajipan zakat (*harta*) hanya dikenakan ke atas harta yang berkembang (*al-namiyah*). Dalam hal ini Imam al-Mawardi menyatakan bahawa zakat itu wajib ke atas harta yang berpotensi untuk berkembang sama ada menerusi usaha atau berkembang dengan sendirinya<sup>22</sup>. Ibn Qudamah dalam menghuraikan harta yang berpotensi untuk berkembang antaranya adalah barangan perniagaan berpotensi untuk mendapat keuntungan, haiwan ternakan berkemungkinan untuk berkembang dan juga buah-buahan dengan syarat cukup *hawl* dan *nisab* untuk setiap jenis<sup>23</sup>. Menurut al-Kasani, maksud zakat tidak akan diperolehi kecuali dari harta yang berkembang<sup>24</sup>.

Dalam bab *al-murabahah*, keuntungan (*al-rihbh*) mempunyai dua pengertian yang dapat disimpulkan iaitu “*pertambahan ke atas modal*” dan keduanya “*pertambahan ke atas modal setelah ditolak segala perbelanjaan yang dikeluarkan dalam memperoleh lebihan tersebut*”<sup>25</sup>. Walaupun para *Fuqahaʿ* memberikan pelbagai definisi ke atas kontrak *al-murabahah*, tetapi pengertiannya tidak dapat lari daripada dua makna di bawah, iaitu;

Pertama:

“*Kontrak jual beli dengan harga pertama dengan tambahan keuntungan yang ditetapkan dan disepakati antara kedua-dua pihak pelaku kontrak (penjual dan pembeli)*”<sup>26</sup>.

Kedua:

“*Kontrak jual beli apa yang dimilikinya dengan apa yang sepatutnya (modal) dan dengan lebihan*”<sup>27</sup>.

Kedua-dua makna di atas menunjukkan bahawa keuntungan (*al-rihbh*) merupakan unsur asas dalam kontrak *al-murabahah*. Selain itu pendefinisian keuntungan (*al-rihbh*) dalam kontrak *al-murabahah* juga tidak dapat tidak perlu disertai dengan pengertian modal itu sendiri. Terdapat beberapa *Fuqahaʿ* seperti al-Hanafiyah, al-Syafiʿiyah, al-Hanabilah, al-Imamiyyah serta al-Zaydiyyah mendefinisikan modal (*raʿsu al-*

mal) dalam kontrak *al-murabahah* sebagai harga yang dengannya dibeli sesuatu barangan<sup>28</sup>.

Seterusnya dalam bab *al-mudarabah* ataupun *al-qirad*, para *Fuqaha'* membincangkan konsep keuntungan (*al-ribh*) sebagai suatu kontrak antara dua orang atau lebih untuk berkongsi keuntungan tanpa berkongsi dalam modal. Sebenarnya dalam bab ini, keuntungan (*al-ribh*) turut diberi dua makna sebagaimana dalam bab *al-murabahah*.<sup>29</sup> Ringkasan definisi ini memberi makna penubuhan sesebuah syarikat *al-mudarabah* adalah untuk memperoleh keuntungan<sup>30</sup>. *Fuqaha'* terdahulu misalnya al-Baghdadi membincangkan konsep keuntungan secara jelas dengan menyatakan "*sesungguhnya keuntungan itu adalah lebihan ke atas modal*". Pandangan yang dikemukakan ini merupakan kecenderungan awal para *Fuqaha'* dalam memahami konsep keuntungan dalam kontrak *al-mudarabah*, di samping wujud kecenderungan lain yang menyebutkan bahawa konsep "*keuntungan adalah lebihan ke atas modal selepas mengurangi segala kos (beban) perbelanjaan tertentu dalam memperoleh keuntungan*"<sup>31</sup>.

Imam Malik berpendapat bahawa untung dianggap berlaku sama ada sesuatu harta itu dicairkan ataupun tidak. Apabila terjadinya sesuatu urusniaga, maka untung telah terjadi di sini bahkan terdapat sebilangan *Fuqaha'* menyatakan bahawa untung itu wujud apabila berlakunya pengeluaran akad secara lisan meskipun barang belum dipindahkan dari tempat asal<sup>32</sup>. Ibnu Qudamah pula mengistilahkan untung sebagai satu lebihan ke atas modal. Jika sesuatu modal tidak menghasilkan lebihan, maka ia tidak dinamakan sebagai untung<sup>33</sup>. Dr Muhammad Salah pula dalam kitabnya "*Mushkalah al-Istithmar fi al-Bunuk al-Islamiyyah: Wa Kaifa 'Ilajih al-Islam*" mengatakan bahawa untung adalah matlamat asasi bagi firma ataupun syarikat di mana segala aktiviti ekonomi yang diceburi akan melibatkan proses penajaan untung seperti jual beli<sup>34</sup>.

Bapa ekonomi Islam iaitu Abdul Rahman bin Khaldun al-Maghribi ataupun Ibn Khaldun dalam karya terkenalnya "*Muqaddimah Ibn Khaldun*" mendefinisikan untung sebagai nilai yang timbul hasil daripada kerja yang dilakukan oleh manusia<sup>35</sup>. Ia diperolehi hasil daripada usaha untuk mendapatkan sesuatu barang dan adanya hasrat untuk memilikinya<sup>36</sup>. Pada masa yang sama beliau mengatakan bahawa perniagaan sebenarnya adalah usaha mewujudkan pertambahan harta dengan membeli barang dengan harga murah kemudian menjualnya dengan harga mahal. Apa pun jenis barangnya, jumlah pertambahan itulah yang disebut sebagai untung.

Seterusnya ahli ekonomi Islam iaitu Khurshid Ahmad dan Muhammad Nejatullah Siddiqi memberikan definisi untung sebagai apa yang ditentukan dalam keadaan biasa dan sederhana mengikut hukum penawaran dan permintaan dalam pasaran bebas, dengan syarat undang-undang negara, perancangan dan polisinya atau kawalan-kawalan lain tidak campur tangan dalam sistem jualan dan belian, pengeluaran komoditi serta pasaran persaingan monopoli tidak dibenarkan mempengaruhi pasaran serta tidak berlaku keadaan darurat yang memberi kesan kepada pasaran<sup>37</sup>.

Daripada pelbagai pendefinisian, jelas sekali Islam begitu menggalakkan umatnya untuk cemerlang dalam kehidupan duniawi khususnya yang melibatkan aktiviti perdagangan dan penghasilan untung<sup>38</sup>. Meskipun begitu, Islam sesekali tidak membenarkan umatnya untuk terlalu mencintai untung dan lebih mengajar umatnya bersederhana, bertindak seperti yang digariskan agama, serta memperoleh sesuatu dengan cara yang sah dan tidak terlalu maksimum<sup>39</sup> di samping memberi penekanan kepada konsep halal dan haram bagi menjadikan seseorang sentiasa berada di landasan yang betul<sup>40</sup>. Responsif kepada dasar ini, Islam telah meletakkan beberapa kriteria asas

dan penting dalam mendapatkan keuntungan. Umumnya antara kriteria keuntungan yang digariskan oleh Islam adalah seperti berikut<sup>41</sup>;

- i. Keuntungan bukan berasal daripada perbuatan *riba*.
- ii. Keuntungan bukan daripada usaha penipuan dengan menyembunyikan fakta
- iii. Keuntungan bukan daripada perbuatan penipuan.

Keuntungan bukan daripada perbuatan *al-Ihtikar*

### 3.0 PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN: PENDEKATAN FUQAHA'

Mereka juga turut membahagikan keuntungan kepada dua bentuk, pertama, *al-ghabn al-fahisy*<sup>42</sup> dan kedua *al-ghabn al-yasir*<sup>43</sup>. Namun begitu, terdapat dua pendekatan di mana ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan ukuran bagi membezakan antara *al-ghabn al-fahisy* dengan *al-ghabn al-yasir*. Pendekatan pertama mereka menggunakan ukuran yang tetap (*al-mi`yar al-jamid*) dan pendekatan kedua menggunakan ukuran yang fleksibel (*al-mi`yar al-marin*).

#### 3.1 Pendekatan Pertama: Ukuran Yang Tetap<sup>44</sup>

Pendekatan ini dikemukakan oleh sebahagian 'ulama' Hanafi, al-Maliki dan Syafi'i. Tidak ketinggalan juga sebahagian 'ulama' Hanbali, Zaiydiyyah dan al-Ibadiyyah. Namun begitu, para 'ulama' yang membezakan antara *al-ghabn al-fahisy* dengan *al-ghabn al-yasir* dengan menggunakan pendekatan pertama ini berbeza pandangan dalam meletakkan nisbah atau kadar yang tetap.<sup>45</sup>

- i. Al-Khajnadi dari golongan Hanafi melihat *al-ghabn al-fahisy* adalah pada takat melebihi *nisf al-<sup>c</sup>usyur*, manakala *al-ghabn al-yasir* pula tidak melebihi (*nisf al-<sup>c</sup>usyur*) atau tepat pada kadar *nilf al-<sup>c</sup>usyur*<sup>46</sup>.
- ii. Ibn Yahya al-Balkhi berpandangan *al-ghabn* pada barang perniagaan (*al-<sup>c</sup>arud*) adalah *nilf al-<sup>c</sup>usyur*, pada haiwan adalah *al-<sup>c</sup>usyur* iaitu satu persepuluh (1/10) dan pada barangan tak alih atau *al-<sup>c</sup>aqar* seperti bangunan adalah sebanyak al-khumus atau satu perlina (1/5). Sekiranya keuntungan melebihi ketentuan ini maka ia dianggap sebagai *al-fahisy* atau melampau. Perbezaan seumpama ini timbul kerana kebanyakan transaksi perniagaan pada waktu itu berlaku pada jenis barangan perniagaan (*al-<sup>c</sup>arud*) dan sedikit berlaku pada bangunan. Tetapi transaksi pada haiwan tidak banyak dan tidak sedikit (pertengahan). Golongan Maliki pula meletakkan kadar *al-thuluth* iaitu satu pertiga (1/3) atau lebih sebagai *al-ghabn al-fahisy*<sup>47</sup>.
- iii. Golongan Syafi'i pula melihat *al-ghabn al-fahisy* berlaku ketika mana kadar keuntungan yang diambil adalah melebihi *al-thuluth* ataupun satu pertiga (1/3)<sup>48</sup>.
- iv. Golongan Hanbali seterusnya merujuk terjadinya *al-ghabn al-fahisy* adalah pada kadar *al-thuluth* atau satu pertiga (1/3), atau *al-sudur* iaitu satu perenam (1/6). Tetapi al-Mardawi melebihkannya seperti mana sebahagian yang lain pada kadar *al-rubu<sup>c</sup>* iaitu satu perempat (1/4)<sup>49</sup>.
- v. Golongan al-Ibadiyyah pula menetapkan kadar *al-thuluth* atau satu pertiga (1/3) atau lebih dalam

menganggap sesuatu lebihan yang wujud dalam urusan niaga sebagai *al-ghabn al-fahisy*<sup>50</sup>.

### 3.2 Pendekatan Kedua: Ukuran Yang Fleksibel

Pendekatan ini dikemukakan oleh golongan Hanafi pada riwayat yang jelas (*zahir al-riwayah*), golongan Maliki pada satu pendapat dan sebahagian *'ulama'* Hanbali dengan riwayat yang tepat di dalam mazhabnya, kemudian diikuti oleh golongan al-Imamiyyah dan al-Zahiriyyah. Seperti pendekatan di atas, para *'ulama'* turut berbeza pendapat antara *al-ghabn al-fahisy* dengan *al-ghabn al-yasir* melalui pendekatan yang kedua yang meletakkan kaedah fleksibel. Di antara pandangan mereka adalah sebagai berikut;

- i. Ibn 'Abidin melihat *al-ghabn al-fahisy* sebagai suatu nisbah (*keuntungan*) yang tidak termasuk dalam penetapan taksiran oleh pihak pentaksir (*al-muqawwim*)<sup>51</sup>. Dalam hal ini, sekiranya kadar keuntungan yang dibuat melebihi taksiran pentaksir, maka keuntungan tersebut akan dianggap *al-ghabn al-fahisy*.
- ii. Sebahagian *'ulama'* dari kalangan Maliki pula memberikan pilihan sekiranya berlaku *al-ghabn al-fahisy*. Mereka hanya berbeza pandangan dalam penetapan kadar *al-ghabn* tersebut sama ada pada kadar satu pertiga (1/3) atau lebih. Ada yang mengatakan tidak ada had tertentu, tetapi ia disandarkan kepada tradisi atau kebiasaan yang berlaku sesama peniaga. Sekiranya didapati sering berlaku *al-taghabun* (*saling melakukan*) sesama mereka, maka tiada pilihan bagi *al-maghubun* (*mangsa keadaan*). Tetapi sekiranya berlaku di luar kebiasaan, maka dalam keadaan ini *al-maghubun* mempunyai pilihan<sup>52</sup>.
- iii. Al-Mardawi pula berpendapat bahawa nisbah *al-ghabn* atau keuntungan perlu mengambil kira *al-'uruf* semasa (kebiasaan) dan bersesuaian dengan tahap masalah yang dihadapi. Nisbah tersebut hendaklah sedikit sahaja, supaya pulangan modal dapat diperoleh dengan mudah<sup>53</sup>.

## 4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa konsep untung dalam Islam seperti mana yang diperbahaskan oleh para *fuqaha'* begitu jelas sekali di mana para peniaga boleh menjadikannya sebagai panduan dalam menentukan kadar dan nisbah yang munasabah bagi sesuatu barangan atau perkhidmatan yang akan diniagakan. Nisbah yang ditetapkan ini bukan sahaja tidak membebankan para pembeli, malah dapat menjamin kelangsungan perniagaan peniaga ataupun firma sekiranya kriteria-kriteria yang dikemukakan oleh para *'ulama'* diikuti sepenuhnya. Selain itu, dapat disimpulkan bahawa keuntungan sama ada dalam ekonomi konvensional mahupun Islam sentiasa berubah dari semasa ke semasa bagi memenuhi matlamat yang satu iaitu untuk keperluan manusia keseluruhannya. Cuma perbezaan yang wujud adalah dari aspek kaedah untuk menghasilkan keuntungan di mana keuntungan yang terhasil dalam ekonomi Islam yang adalah berlandaskan ketetapan Syarak yang akhirnya membawa keadilan dan kemakmuran kepada ekonomi<sup>54</sup>. Kesimpulan yang boleh dibuat di sini ialah untung yang diiktiraf oleh Islam ialah untung yang bebas daripada unsur-unsur haram seperti *riba*, *ghabn*, *gharar* dan *ihtikar*. Oleh itu umat Islam perlu berusaha untuk memperoleh keuntungan yang bebas daripada unsur-unsur yang disebutkan di atas.

## Rujukan

- Teuku Iskandar. 1992. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 835.
- Harrap's Dictionary of Business Finance. 1967. Englewood Cliffs, N. J.: Prentice-Hall Inc. 477.
- Joyce, M. Hawkins. 2000., *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Shah Alam: Fajar Bakti. 306.
- Zubair Hasan. 1983. *Profit Theory: The Islamic Viewpoint*, MIPA Paper No. 3012, h. 4: <http://mpr.ub.uni-muenchen.de/3012>, 3hb April 2008.
- Sadono Sukirno. 1993. *Mikroekonomi*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing. 298.
- Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram al-Ansari Ibn Manzur. 1994. *Lisan al-'Arab*. Jil. 2, c. 3. Beirut: Dar al-Sadir. 442.
- Muhammad Murtada al-Zabidi. 1306M. *Taj al-'Arus*. Juz. 6, c. 2, Mesir: al-Matba'ah al-Khayriyyah, h. 279.h. 279.
- Surah al-Baqarah. Ayat 2: 16.
- Abu Ja'far Ibn Jarir al-Tabari. 1975. *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Abu Ja'far Ibn Jarir al-Tabari. 1968. *Jami' al-Bayan an Ta'wil al-Quran*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi. 315.
- Shamsiah Mohamad. 2000. *al-Ribh fi Fiqh al-Islami: Dawabituhu wa Tahdiduhu fi al-Mu'assasat al-Maliyat al-Mu'asarat*. Jordan: Dar an-Nafa'is. 18.
- Al-Nisaburi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Ahmad al-Wahidi. 1994/1413H. *al-Wasit fi Tafsir al-Qur'an al-Majid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din Mahmud. (tt). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Rashid Rida. (tt). *Tafsir al-Manar*. Kaherah: Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah.
- Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim Mas'ad. 2007). Konsep dan Kriteria keuntungan di Dalam Transaksi Jual Beli: Suatu Tinjauan Dari Perspektif Fiqh Mu'amalat. *Prosiding Kolokium Siswazah Fakulti Pengajian Islam Siri III 2007*. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. 209.
- al-Kasani. (tt). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*. Jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 11.
- al-Dusuqi. 1996. *Hasyiyah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Jil. 2, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 51.
- Ahmad al-Syarbasi. 1981/1405H. *al-Mu'jam al-Iqtisadi al-Islami*. Beirut: Dar al-Jil. 415.
- Ibn Humam. 1995. *Syarh Fath al-Qadir*, jil. 6, c.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 456.
- Ibn 'Abidin. 1966. *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Jil. 5, Beirut: Dar al-Fikr. 132.
- Ibn Qudamah. 1981. *al-Mughni*. Juz. 5, Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah. 75.
- Shamsiah Mohamad. 2002. Ciri-Ciri Keuntungan Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Syariah*. 10(1): 121–137.
- al-Juzaini, Muhammad Ibn Jamal al-Din. (tt). *al-Lum'ah al-Damsiyahiyah (Matbu' Ma'a al-Rawdah al-Bahiyah)*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.
- Abu Muhammad Ibn Ghanim Ibn Muhammad al-Baghdadi (1370H), *Majma' al-Damanat fi Madhahib al-Imam al-'Azam Abi Hanifa*. Mesir: al-Matba'ah al-Khairiyah.
- Malik Ibn Anas al-Asbahi (1979/1399), *Al-Muwatta'*, Versi Yahya Ibn Yahya al-Laythi, Faruq Sa'd (ed.), Beirut; Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Salah Muhammad al-Sawi. 1990. *Mushkalah al-Istithmar fi al-Bunuk al-Islamiyyah: Wa Kaifa 'Ilajih al-Islam*. Beirut: Dar al-Mujtama'. 178.
- 'Abd al-Rahman bin Khaldun. (tt). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Iskandariyyah: Dar Ibn Khaldun. 267.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. 1981. *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*. United Kingdom: The Islamic Foundation. 59.
- CIFP-Part 1 Study Material. 2006. *Islamic Economics and Finance: Theory and Ethics*. Kuala Lumpur: International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF). 260.
- Sayyid Abul 'Ala Maudoodi. 1977. *Maashyat-e-Islam*. Lahore: Islamic Publications Limited. 82–89.
- al-Razi. (tt). *Mukhtar al-Qahhah*. al-Ta'rifat: al-Jurjani. 148.
- Nazih Hammad. (tt). *Al-'Uqud al-Mustajiddah: Dawabituhu wa Nama'iz minha*, Jeddah; Majallah Majmak al-Fiqh al-Islami, OIC. 210.
- Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. 2006. *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 170–171.
- Ibn Najim, Zayn al-Din Ibn Ibrahim Ibn Muhammad. 1997/1417H. *al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Berut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hatab. (tt). *Mawahib al-Jalil li Syarh Mukhtasar Khalil*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali. 1980. *Ihya' 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar

al-Fikr.

Al-Mardawi. 1997/1418H. *al-Insaf, fi Ma`rifah al-Rajih min al-Khilaf*.  
Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Teuku Iskandar (1992), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 835.
- <sup>2</sup> *Harrap's Dictionary of Business Finance* (1967), c. 5, Englewood Cliffs, N, J: Prentice-Hall Inc, h. 477.
- <sup>3</sup> Teuku Iskandar (1992), *op.cit.*, h. 634.
- <sup>4</sup> Joyce M. Hawkins (2000), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. Shah Alam: Fajar Bakti, h. 306.
- <sup>5</sup> Zubair Hasan (1983), *Profit Theory: The Islamic Viewpoint*, MRPA Paper No. 3012, h. 4: <http://mpru.ub.uni-muenchen. De/3012, 3hb April 2008>.
- <sup>6</sup> *Ibid.*, h. 5.
- <sup>7</sup> *Ibid.*
- <sup>8</sup> Sadono Sukirno (1993), *Mikroekonomi*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing, h. 298.
- <sup>9</sup> Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram al-Ansari Ibn Manzur (1994), *Lisan al-'Arab*. Jil. 2, c. 3, Beirut: Dar al-Sadir, h. 442; Muhammad Murtada al-Zabidi (1306M), *Taj al-'Arus*. Juz. 6, c. 2, Mesir: al-Matba'ah al-Khayriyyah, h. 279.
- <sup>10</sup> *Ibid.*
- <sup>11</sup> Surah al-Baqarah ayat 2:16.
- <sup>12</sup> Abu Ja'far Ibn Jarir al-Tabari (1975), *Jami' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- <sup>13</sup> Abu Ja'far Ibn Jarir al-Tabari (1968), *Jami' al-Bayan an Ta'wil al-Quran*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi, h. 315; Shamsiah Mohamad (2000), *al-Ribh fi Fiqh al-Islami: Dawabituhu wa Tahdiduhu fi al-Mu'assasati al-Maliyat al-Mu'asarat*, Jordan: Dar an-Nafa'is, h. 18.
- <sup>14</sup> Al-Nisaburi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Ahmad al-Wahidi (1994/1413H), *al-Wasit fi Tafsir al-Qur'an al-Majid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- <sup>15</sup> *Ibid.*
- <sup>16</sup> Al-Alusi, Abu al-Fadl Shihab al-Din Mahmud (tt), *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*, Beirut: Dar al-Fikr.
- <sup>17</sup> Muhammad Rashid Rida (tt), *Tafsir al-Manar*. Kaherah: Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah; Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim Mas'ad (2007), "Konsep dan Kriteria Keuntungan di Dalam Transaksi Jual Beli: Suatu Tinjauan Dari Perspektif Fiqh Mu'amalat", *Prosiding Kolokium Siswazah Fakulti Pengajian Islam Siri III 2007*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, h. 209.
- <sup>18</sup> *Ibid.*
- <sup>19</sup> *Ibid.*, h. 210.
- <sup>20</sup> Perbincangan para fuqaha' mengenai konsep untung dalam bab zakat boleh dilihat dalam al-Kasani (t.t), *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'f*. jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 11; al-Dusuqi (1996), *Hasyiyah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Jil. 2, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 51.
- <sup>21</sup> *al-murabahah* bermaksud jualan dengan tambahan ke atas harga; Ahmad al-Syarbasi (1981/1405H), *al-Mu'jam al-Iqtisadi al-Islami*. Beirut; Dar al-Jil, h. 415. Lihat juga Ibn Humam (1995), *Syarh Fath al-Qadir*, jil. 6, c.1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 456; Ibn 'Abidin (1966), *Hasyiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Jil. 5, Beirut: Dar al-Fikr, h. 132.
- <sup>22</sup> Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim (2007), *op.cit.*, h. 210.
- <sup>23</sup> Ibn Qudamah (1981), *al-Mughni*. Juz. 5, Riyad: Maktabah al-Riyad al-Hadithah, h. 75.
- <sup>24</sup> al-Kasani (t.t), *op. cit.*, h. 11.
- <sup>25</sup> Shamsiah Mohamad (2002), "Ciri-Ciri Keuntungan Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Syariah*, Vol. 10, No.1, h. 121-137.
- <sup>26</sup> Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim (2007), *op.cit.*, h. 211.
- <sup>27</sup> *Ibid.*
- <sup>28</sup> al-Juzaini, Muhammad Ibn Jamal al-Din (t.t), *al-Lum'ah al-Damsyiqiyah (Matbu' Ma'a al-Rawdah al-Bahiyah)*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.
- <sup>29</sup> Shamsiah Mohamad (2002), *op. cit.*, h. 121-137.
- <sup>30</sup> *Ibid.*
- <sup>31</sup> Abu Muhammad Ibn Ghanim Ibn Muhammad al-Baghdadi (1370H), *Majma' al-Damanat fi Madhahib al-Imam al-'Azam Abi Hanifa*. Mesir: al-Matba'ah al-Khairiyah.
- <sup>32</sup> Malik Ibn Anas al-Asbahi (1979/1399), *Al-Muwatta'*, Versi Yahya Ibn Yahya al-Laythi, Faruq Sa'd (ed.), Beirut; Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- <sup>33</sup> Ibn Qudamah, (1981), *op.cit.*, h. 75.
- <sup>34</sup> Muhammad Salah Muhammad al-Sawi (1990), *Mushkalah al-Istithmar fi al-Bunuk al-Islamiyyah: Wa Kaiifa 'Ilajihah al-Islam*. Beirut: Dar al-Mujtama', h. 178.
- <sup>35</sup> 'Abd al-Rahman bin Khaldun (t.t), *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Iskandariyyah: Dar Ibn Khaldun, h. 267.
- <sup>36</sup> *Ibid.*
- <sup>37</sup> Muhammad Nejatullah Siddiqi (1981), *Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary Literature*. United Kingdom: The Islamic Foundation, h. 59.
- <sup>38</sup> Surah al-Baqarah ayat 2:198; Surah al-Jumu'ah ayat 62:10; Surah al-Muzammil ayat 72:20.
- <sup>39</sup> CIFP-Part 1 Study Material (2006), *Islamic Economics and Finance: Theory and Ethics*. Kuala Lumpur: International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF), h. 260
- <sup>40</sup> Sayyid Abul 'Ala Maudoodi (1977), *Maashyat-e-Islam*. Lahore: Islamic Publications Limited, h. 82-89.
- <sup>41</sup> Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim Mas'ad (2007), *op.cit.*, h. 214.
- <sup>42</sup> Juga dikenali sebagai (*al-rihb al-fahisy*) yang membawa maksud keuntungan melampaui harga pasaran dengan menggunakan penipuan. Jika *ghabn* berlaku tanpa sebarang penipuan, perkara tersebut diharuskan; Nazih Hammad (tt), *Al-'Uqud al-Mustajiddah: Dawabituhu wa Namazij minha*, Jeddah; Majallah Majmak al-Fiqh al-Islami, OIC, h. 210.
- <sup>43</sup> Turut dikenali sebagai *al-rihb al-yasir* yang bermaksud unsur negatif yang berlaku dalam akad dalam peratusan yang sedikit. Sekiranya ia berlaku dalam peratusan yang sedikit, perundangan Islam menganggap ia sesuatu yang normal dan tidak mengganggu kerediaan akad. Serta dimaafkan; Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (2006), Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, h. 170-171.
- <sup>44</sup> *Ibid.*, h. 217.
- <sup>45</sup> *Ibid.*; Ibn Najim, Zayn al-Din Ibn Ibrahim Ibn Muhammad (1997/1417H), *al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Berut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah; al-Hatab (t.t), *Mawahib al-Jalil li Syarh Mukhtasar Khalil*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah; Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali, (1980), *Ihya' 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar al-Fikr.
- <sup>46</sup> *Ibid.*; Ibn Najim, Zayn al-Din ibn Ibrahim ibn Muhammad (1997/1417H).
- <sup>47</sup> Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim Mas'ad (2007), *op.cit.*, h. 217.
- <sup>48</sup> *Ibid.*; Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali (1980), *Ihya' 'Ulum al-Din*, Beirut: Dar al-Fikr.
- <sup>49</sup> Al-Mardawi (1997/1418H), *al-Insaf, fi Ma'rifah al-Rajih min al-Khilaf*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- <sup>50</sup> Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim (2007), *op.cit.*, h. 217.
- <sup>51</sup> Ibn 'Abidin (1966), *op.cit.*, h. 132.
- <sup>52</sup> Hailani Muji Tahir dan Muhammad Aunurrochim (2007), *op.cit.*, h. 218.
- <sup>53</sup> *Ibid.*
- <sup>54</sup> Zubair Hasan (1983), *op.cit.*, h. 8.